

Pendedahan Peringkat Awal Cegah Rasuah Sekolah Pekan Satu



Labuan, 27 Febuari 2018 – Dalam usaha meneruskan momentum sokongan masyarakat yang diraih melalui program Sahabat GERAH, SPRM dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia melancarkan Sahabat Cilik SPRM bagi membina jalinan kerjasama dengan golongan pelajar sekolah rendah dalam memerangi rasuah. Sekolah Kebangsaan Pekan Satu dan SPRM telah berganding bahu dalam mengadakan program tersebut dengan tujuan utama iaitu untuk menyerapkan rasa benci atas rasuah dari peringkat yang terawal iaitu sekolah rendah . Sahabat Cilik SPRM diwujudkan bertujuan untuk melahirkan masyarakat bebas rasuah bermula daripada pelajar sekolah rendah yang merupakan generasi pewaris kepimpinan negara.

Program yang dianjurkan oleh SPRM ini melibatkan semua pelajar tahap satu dan dua serta guru-guru SK Pekan Satu untuk diberi pendedahan mengenai kesan rasuah dan cara untuk mencegah serta mengenal pasti bentuk-bentuk rasuah dalam kehidupan harian. Selain itu, Program Sahabat Cilik SPRM ini dilancarkan oleh Timbalan Pengarah SPRM Datuk Azam Baki dan dirasmikan oleh Puan Maimoon Matnoh selaku Ketua Sektor Pembangunan Sekolah Wilayah Persekutuan Labuan.



Di samping itu bagi menarik minat golongan pelajar, SPRM juga melancarkan maskot dalam perjuangan membanteras rasuah yang dikenali sebagai Komisioner DZ yang dihasilkan dengan kerjasama Animonsta Studio.

Guru Besar SK Pekan Satu, Puan Anita Shyamini menyatakan dalam ucapan beliau, "Kita lihat program ini menyokong aspirasi yang terkandung dalam pelan pendidikan murid antaranya dalam pembangunan pengetahuan, kepimpinan, kreativiti, dwibahasa, nilai-nilai etika dan kerohanian. Ini kerana dalam SPRM itu sendiri sangat menekankan nilai-nilai murni seperti amanah, integriti, jujur dan akauntabiliti."

Ceramah turut menjelaskan fungsi dan peranan SPRM serta kesalahan-kesalahan rasuah di bawah Akta SPRM 2009. Selain itu, turut diadakan kuiz kepada pelajar. Sesi ceramah ini turut dihujani dengan pelbagai soalan yang

diajukan kepada penceramah.

Majlis berakhir dengan sesi bergambar dan penyampaian cenderahati sebagai tanda kenang-kenangan kepada pelajar dan guru-guru.

